

Kata- Kata Aluan

Salam sejahtera buat semua,

Saya bersyukur kepada Tuhan yang Esa kerana akhirnya saya berjaya menghasilkan sebuah buku mengenai pemasaran internet. Saya sudah lama bercita – cita untuk mempunyai sebuah buku yang boleh memberikan panduan dan satu perkongsian kepada mereka yang mempunyai pemikiran dan minat yang sama di dalam keusahawanan Internet. Buku ini ditulis hasil daripada pengalaman, pengamatan, pembacaan dan pengolahan dari saya sendiri mengenai bentuk perniagaan yang meningkat naik dan maju sekarang ini.

Jelas sekali, teknik perniagaan dan pemasaran Internet yang efektif dan berhasil amat diidamkan oleh setiap usahawanan Internet. Pelbagai cara telah diketengahkan dan dipraktikkan namun bukan semua cara adalah membuahkan hasil. Ada cara yang satu ketika dulu amat berkesan namun kini, sudah ketinggalan zaman. Bidang Internet menjadi begitu laju dan sukar untuk dikejar jika kita tidak mempunyai minat yang mendalam dalam bidang ini. Minat sahaja tanpa kehairahan, fokus dan juga tindakan sudah pasti mendapat keputusan yang mengecewakan.

Hanya sedikit sahaja yang benar –benar berjaya di dalam perniagaan Internet. Usaha keras tanpa teknik yang betul juga hanya menjadikan perniagaan kita satu sia- sia. Saya berharap segala perjalanan yang saya telah lalui dan juga lakukan akan diambil titik tolak supaya anda dapat membina sebuah perniagaan Internet yang berjaya.

Saya benar- benar harap agar begitu ramai yang menceburi bidang perniagaan Internet dan berjaya menghasilkan pendapatan yang lumayan daripadanya. Sama- samalah kita menyamarakkan lagi perniagaan Internet ini. Usaha saya dan anda akan meletakkan Malaysia di persada dunia di dalam keusahawanan Internet. Itulah potensi terbesar yang kita sama- sama tidak pernah impikan tetapi bakal menjadi realiti dengan The Power of Internet!

Aridz

www.aridztech.com

Ketetapan hati dan minda yang betul

Kita melakukan sesuatu dengan mempunyai suatu alasan. Sebagai seorang yang waras, kita mengerjakan sesuatu perkara dengan sebab yang menguntungkan dan memberi faedah. Kita tidak ingin melakukan sesuatu yang menyebabkan kerugian dan kesusahan. Tidak kiralah apa juga alasan untuk melakukan perniagaan internet daripada menghabiskan masa lapang sebagai hobi dan seterusnya sebagai sumber pendapatan sampingan. Kita tidak boleh menyangkal potensi perniagaan Internet yang boleh menyaingi pendapatan tetap kita. Kita juga pernah mendengar ada usahawan Internet yang menjadi jutawan, hartawan dan juga seseorang yang dihormati dan dikenali masyarakat. Begitulah impak daripada sekecil – kecil hobi kepada sesuatu yang membolehkan anda menjadi seorang idola kepada orang lain. Idola adalah seperti seorang pemimpin dan artis. Usahawan Internet kini boleh juga terkenal seperti mereka jika kita mahu.

Namun, kita mesti mempunyai sebab dan minda yang betul agar benar- benar berjaya sebagai usahawan Internet. Kita tidak boleh menjadikan perniagaan Internet kita seperti kata pepatah “hidup segan mati tak mahu”. Kita mahukan perniagaan Internet kita benar – benar berjaya. Kita ingin membuktikan bahawa tanggapan – tanggapan negatif yang dilemparkan oleh rakan- rakan kita semuanya tidak benar belaka. Namun, saya ingin ingatkan anda boleh jadi benar- benar berjaya sebagai seorang usahawan Internet jika anda mempunyai daya tahan yang kuat dan juga mengeluarkan usaha tanpa mengenal penat lelah. Anda tidak boleh menjadi seorang usahawan Internet yang berjaya dengan selalu mengeluh, sentiasa menyalahkan orang lain dan juga tidak sabar untuk mendapatkan ilmu- ilmu pengetahuan yang baru.

Anda mesti ada semangat , usaha dan tindakan. Kita tidak boleh menanti dan terus menanti agar setiap peluang datang menggolek. Kita mesti menjadi seperti seekor helang yang pantas mengintai peluang. Menyambar ke sasaran yang betul dan tepat. Kita perlu tajam dalam pemikiran melihat semua peluang yang ada. Jangan jadi seperti katak yang hanya menanti mangsanya hinggap dan terbang sekeliling untuk menangkapnya.

Walaupun kita bukan seorang peniaga dan bekerja sebagai seorang doktor, peguam, jurutera, kerani , kontraktor, pemandu dan apa juga pekerjaan sekali pun, kita sebenarnya sudah melibatkan diri di dalam bidang perniagaan secara tidak langsung. Sebagai contoh:

1. sebagai seorang pemohon pekerjaan, kita “memasarkan” diri kita di dalam temuduga.

2. sebagai seorang kakitangan syarikat, kita "memasarkan" cara kita bekerja agar dinaikkan pangkat.
3. sebagai seorang ibu, kita "memasarkan" masakan yang kita masak agar di makan oleh ahli keluarga.

Begitulah contoh – contoh bagaimana kita seharian telah mempunyai kerja- kerja pemasaran di dalam diri kita. Ianya melibatkan hampir semua segi. Kita juga "memasarkan" diri kita agar menjadi Insan yang mendapat kedudukan yang baik disisi Tuhan. Insan yang baik adalah insan yang disayangi oleh Tuhannya.

Hampir setiap gerak geri kita sebenarnya adalah kerja- kerja pemasaran. Kita mesti dipandang baik dan menepati kehendak untuk mendapat imbuhan, kenaikan gaji dan bonus. Begitulah besarnya aspek pemasaran di dalam kehidupan kita. Jadi, kita semua sudah berpengalaman di dalam bidang pemasaran di dalam kehidupan kita. Tiada alasan lagi buat kita untuk tidak melibatkan diri di dalam perniagaan Internet kerana kita telah mempunyai asas-asas yang diperlukan sebagai usahawan Internet.

Antara alasan yang paling popular yang biasa saya dengar untuk tidak melakukan perniagaan Internet ialah "Saya buta IT". Saya menjadi pelik apabila alasan ini diberikan kepada saya melalui emel dan juga yahoo messenger. Jika buta IT, bagaimana saya boleh terima mesej tersebut. Saya pasti mereka sendiri yang menulisnya bukan ada penulis mesej upahan atau mahkluk halus belaan yang melakukannya. Pada saya, kita hanyalah dibebani dengan perasaan takut yang hanya membuatkan lupa kepada potensi diri kita. Kalau buta IT, kita belajar. Bukankah di mana ada kemahuan di situ ada jalan?

Carilah pelbagai alasan, pasti ada penyelesaiannya. Saya tidak menolak adanya kesukaran. Kesukaran sebenarnya tidak boleh di salah anggap sebagai mustahil. Mustahil adalah sesuatu yang tidak akan menjadi realiti. Kesukaran boleh diatasi dengan pengamatan yang lebih. Luangkan masa yang lebih sedikit kepada sesuatu yang sukar. Kesukaran yang pada mulanya dianggap sebagai sesuatu yang mustahil telah bertukar kepada sesuatu yang boleh dilakukan. Apabila kita melakukan perkara yang sukar itu berulang kali, ianya menjadi lebih senang. Akhirnya, kita dapati sesuatu yang sukar itu sudah tidak lagi menjadi satu masalah. Saya pasti ramai yang bersetuju dengan kita kerana kita melalui proses pembelajaran sebegitu rupa. Kenapa kita mesti lupa zaman kita di masa alam persekolahan membuat persediaan mengambil peperiksaan. Format yang sama juga dipraktikkan.

Saya memulakan perniagaan Internet setelah melanggan perkhidmatan jalur lebar di rumah. Itulah natijah penting apabila saya tidak ketahui bagaimana saya perlu gunakan perkhidmatan tanpa had tersebut. Saya terdengar adanya jutawan Internet. Saya terbaca adanya individu yang menjalankan perniagaan

Internet daripada rumah. Saya terlihat adanya iklan – iklan di tepi jalan yang menawarkan perkhidmatan sampingan dengan Internet. Emel saya pun kadang-kadang di datangi oleh undangan- undangan untuk menjalankan perniagaan Internet. Betulkah semua ini? Benarkah boleh mencapai pendapatan yang lumayan daripada Internet. Tak kenal maka tak cinta. Dah merasainya barulah tahu. Jika lima tahun dahulu ada tanyakan pada saya, saya mungkin jawab “Tak tahu”. Kini, saya dengan penuh yakin akan menjawab “Benar, tak tipu”. Di kala saya menulis buku ini, pendapatan saya sekitar RM3,000 hingga RM5,500 sebulan. Ianya jauh daripada sasaran saya yang pada mulanya hanya inginkan pendapatan tersebut boleh membayar yuran langganan jalur lebar sahaja.

Saya memulakan perniagaan Internet saya dengan “pandai- pandai sendiri”. Saya hanya mendapatkan ilmu daripada Internet dan beberapa bahan rujukan di akhbar. Namun, saya menghadapi masalah. Saya kebanjiran maklumat. Saya tidak tahu yang mana satu perlu di buat dahulu. Ada yang mengatakan tidak perlu membina website tetapi ada pula pendapat, setiap perniagaan Internet perlu ada website. Saya menjadi tidak tentu arah. Saya benar- benar ingin berjaya tetapi kini saya sangsi apa perlu dibuat. Saya lakukan sahaja apa yang dianggap betul dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang cetek. Akhirnya, bulan pertama saya membina perniagaan Internet saya, saya telah berjaya besar. Saya telah mendapat RM27. Cuba bayangkan kita pergi meminta kepada seseorang sebanyak itu. Adakah rakan kita akan memberinya. Sudah tentu kita dihujani beberapa soalan. Kejayaan itu sudah cukup besar kepada saya. Bukan senang untuk membuat seseorang percayakan kepada kita dan memindahkan wang untuk membeli produk kita. Namun, jika jumlah itulah yang saya dapat sekarang ini untuk perniagaan Internet ini, ianya adalah satu kegagalan besar! Bukan saya tidak bersyukur tetapi saya telah sedar jumlah tersebut bukanlah satu jumlah daripada perniagaan Internet saya yang berjaya.